



PINDAH...penduduk Kampung Semera dipindahkan ke Pusat Pemindahan Banjir di SK Haji Kelali, Semera Ulu.

Sekitar banjir

Tiga kali pindah

326 keluarga sudah biasa redah banjir

>>Oleh Rudy Fazrunisyam Samarudin

rudy@hmetro.com.my

KUCHING: “Beginilah nasib kami, malah tahun ini sudah tiga kali tidur di pusat pemindahan banjir,” kata Veronica anak Bunya, 26, seorang daripada 1,630 penduduk Kampung Simpok, Padawan yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) St Peter akibat banjir sejak kelmarin.

Keluarga Veronica seramai 10 orang itu berada di pusat pemindahan banjir selepas rumah mereka dinaiki air sejak jam 6 petang kelmarin.

Menurut Veronica, dia dan ahli keluarganya tiada pilihan melainkan meredah hujan lebat untuk ke pusat penempatan mangsa banjir dua kilometer dari rumah selepas mendapati paras air sungai berdekatan meningkat.

“Air sungai mula melimpah pada jam 6 petang dan sejam kemudian ia mula melimpah ke depan rumah. Oleh kerana sudah biasa dengan keadaan ini, kami tidak membuang masa memindahkan bara-

ngan ke tempat yang lebih tinggi.

“Malah, pada jam 8 malam, air mula masuk ke dalam rumah sehingga memaksa kami sekeluarga meredah hujan lebat ke SK St Peter kerana khuatir keadaan menjadi lebih buruk,” katanya.

Katanya, bagi sebahagian besar penduduk kampung itu, banjir adalah sesuatu yang biasa malah sepanjang tahun ini saja mereka sudah tiga kali berpindah selepas rumah dimasuki dan ditenggelami air.

Manakala bagi seorang lagi mangsa, Bati anak Sinyang, 60, dia tersedar dari tidurnya pada jam 11 malam kelmarin dan mendapati air sudah masuk ke bilik tidurnya.

Katanya, menyedari banjir melanda sekali lagi, dia dan 14 ahli keluarganya terpaksa mengharung air di paras pinggang untuk ke pusat pemindahan mangsa banjir pada waktu malam dalam hujan lebat.

“Buat masa ini, kami tahu ke mana harus pergi jika banjir berlaku kerana bencana ini bukan lagi sesuatu yang asing bagi kami sekeluarga,” katanya.

Banjir di Sarawak

MANGSA BANJIR DI SARAWAK
(Setakat jam 5 petang, 27 Disember 2011)

Daerah	Jumlah Mangsa	Bilangan Keluarga	Pusat Pemindahan
Kuching	483	2,274	5
Samarahan	517	1,964	9
Sri Aman	37	150	1
Sibu	83	432	1
Jumlah	1,120	4,820	16

